



KEMENTERIAN KOMUNIKASI
DAN MULTIMEDIA MALAYSIA

KENYATAAN MEDIA

KERAJAAN MALAYSIA MENDOKONG KEBEBASAN MEDIA DAN MEDIA SOSIAL; AKTA FINAS AKAN DIPINDA

Sebagai lanjutan kepada kenyataan saya semalam yang menjelaskan bahawa kerajaan PN tidak pernah dan tidak berniat menggunakan Akta FINAS untuk menyekat kebebasan peribadi individu dalam media sosial serta keperluan untuk menambahbaikkan Akta tersebut, saya ingin memaklumkan bahawa Kabinet telah bersetuju dan memutuskan perkara-perkara berikut:

- Kerajaan Malaysia menegaskan pendirian untuk mendokong prinsip kebebasan media dan hak kebebasan individu di laman media sosial;
- Pengguna media sosial bebas menggunakan platform yang sedia ada seperti TikTok, YouTube dan sebagainya, termasuk menghasilkan dan memuatnaik video seperti biasa tanpa perlu memohon lesen atau bimbang didakwa oleh FINAS;
- Kerajaan akan meminda Akta Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia 1981 [Akta 244] dengan mengambil kira situasi semasa.

Seperti yang saya umumkan pada 20 Jun 2020, Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia (KKMM) telah memulakan usaha untuk meminda akta-akta di bawah pengawasan Kementerian agar bersesuaian dengan situasi semasa. Kerajaan akan memulakan proses meminda akta-akta tersebut dalam masa terdekat.

DATO' SAIFUDDIN ABDULLAH
MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA
24 JULAI 2020